

fokus

Jalan Lasak Patriotik Bersama Y.A.B Menteri Besar Perlis

Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah mengetuai 27 orang pensyarah dan staf pentadbiran menjayakan jalan lasak bersama Y.A.B. Menteri Besar Perlis yang diadakan pada hari Rabu 23 April 2003. Aktiviti jalan lasak ini turut disertai hampir 300 orang peserta yang terdiri daripada Exco, Wakil Rakyat dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan di negeri Perlis.



Antara Exco yang menyertai jalan lasak ini ialah Dato' Yazid Mat, Loh Yoon Foo, Mohammad Hadzi Nordin, Dato' Dr Md Isa Sabu dan Dato' Ishak Arshad. Selain itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Yang Berhormat Mohiyaddin Che' Jan, Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat Encik Mohd Yusoff Mustapha, Yang Berhormat Encik Bakar Saad dan Yang Berhormat Azihani Datuk Ali turut bersama-sama menyertai aktiviti jalan lasak ini.

Walaupun KUKUM baru bertapak di negeri Perlis, warga KUKUM telah berjaya menjadi johan dalam acara berpasukan. Bagi acara individu pula KUKUM berjaya mendapat tempat ketiga yang telah dimenangi oleh Encik Salim bin Yib daripada Jabatan Keselamatan KUKUM.

Aktiviti jalan lasak ini dimulai dengan senaman pagi yang dikelolakan oleh Regimen Wataniah 504 pada pukul 9.00 pagi dan seterusnya

peserta memulakan perjalanan daripada Gua Kelam hingga ke Bukit Ayer sejauh kira-kira 30 km secara berpasukan. Aktiviti diiringi oleh Askar Wataniah 504 dan ambulan bagi memastikan keselamatan peserta dan perjalanan aktiviti berjalan dengan sempurna.

Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kassim dalam ucapan ringkasnya menyatakan bahawa aktiviti sebegini merupakan landasan di dalam memastikan setiap jabatan kerajaan mempunyai kekuatan dan daya tahan yang tinggi bagi menghadapi sebarang cabaran yang akan mendatang. Diharap aktiviti sebegini dapat dijalankan secara berterusan sebagai satu usaha yang bukan sekadar meningkatkan jati diri di kalangan kakitangan jabatan kerajaan tetapi mampu mengeratkan hubungan di antara satu sama lain.